

Bil. S 56

**AKTA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 50)**

**PERATURAN-PERATURAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
(SURUHANJAYA POLIS), 2002**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengenaan.
3. Tugas-tugas Suruhanjaya.
4. Mesyuarat Suruhanjaya.
5. Kuasa untuk mengawalselia prosiding Suruhanjaya.
6. Notis untuk memulakan prosiding.
7. Peraturan 6 tidak dikenakan.
8. Penyiasatan boleh dijalankan.
9. Keputusan Suruhanjaya.
10. Rayuan.

**AKTA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 50)**

**PERATURAN-PERATURAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
(SURUHANJAYA POLIS), 2002**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 44 dari Akta Pasukan Polis Diraja Brunei, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pasukan Polis Diraja Brunei (Suruhanjaya Polis), 2002 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 21 haribulan Mac, 2002.

Pengenaan.

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah memberikan kuatkuasa kepada bab 44 dari Akta tersebut untuk membolehkan Suruhanjaya menjalankan tugas-tugasnya berkaitan dengan pegawai-pegawai polis kanan.

Tugas-tugas Suruhanjaya.

3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan sebarang peraturan lain yang dibuat di bawahnya, Suruhanjaya hendaklah bertanggungjawab bagi memutuskan perkara-perkara berhubung dengan lantikan, kenaikan pangkat, pertukaran kerja, pembuangan kerja, penahanan kerja, penggantungan kerja dan kawalan tatatertib semua pegawai polis kanan sebagaimana yang diperuntukan di bawah bab 8 dari Akta tersebut.

Mesyuarat Suruhanjaya.

4. (1) Bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya di bawah Akta tersebut dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat pada tarikh-tarikh dan masa-masa dan di tempat-tempat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengerusi Suruhanjaya.

(2) Tertakluk kepada peraturan kecil (1) dan peraturan 5, setiausaha Suruhanjaya hendaklah menyimpan rekod semua mesyuarat dan prosiding Suruhanjaya.

Kuasa untuk mengawalselia prosiding Suruhanjaya.

5. Tertakluk kepada Bahagian IV dari Akta tersebut dan sebarang peraturan yang dibuat di bawah Bahagian itu, Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawalselia prosidingnya sendiri.

Notis untuk memulakan prosiding.

6. (1) Jika Suruhanjaya bertujuan hendak memulakan prosiding tatatertib terhadap seseorang pegawai polis kanan, pegawai tersebut hendaklah diberikan notis mengenai tujuan Suruhanjaya itu berserta dengan alasan yang atasnya dia hendak dikenakan tindakan tatatertib.

(2) Dalam masa 3 minggu dari tarikh notis diberikan di bawah peraturan kecil (1), pegawai tersebut hendaklah diberikan peluang untuk didengar oleh Suruhanjaya.

Peraturan 6 tidak dikenakan.

7. Peraturan 6 tidak dikenakan —

(a) jika seseorang pegawai polis kanan telah disabitkan atas suatu pertuduhan jenayah;

(b) jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa tidaklah praktikal dengan munasabah untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini; atau

(c) jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpuas hati bahawa bagi kepentingan keselamatan negara adalah tidak mustahak untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Penyiasatan boleh dijalankan.

8. (1) Jika Suruhanjaya menganggapnya perlu, Suruhanjaya boleh mengarahkan supaya sebarang penyiasatan dijalankan sebagaimana yang dianggapnya perlu berkaitan dengan sebarang tuduhan yang dibuat terhadap seseorang pegawai polis kanan di bawah Akta tersebut atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Bagi maksud peraturan kecil (1), Suruhanjaya boleh melantik satu kumpulan pegawai polis untuk menjalankan penyiasatan tersebut dan untuk mengemukakan suatu laporan mengenainya.

Keputusan Suruhanjaya.

9. Seseorang pegawai polis kanan yang terhadapnya tindakan telah dimulakan di bawah Akta tersebut atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah diberitahu dalam masa 7 hari dari sebarang keputusan dibuat oleh Suruhanjaya berkaitan dengan tindakan itu.

Rayuan.

10. Seseorang pegawai polis kanan boleh merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan terhadap sebarang keputusan Suruhanjaya dalam masa 30 hari dari tarikh diberitahu mengenai keputusan itu dan rayuan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya untuk disebarkan terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 22 haribulan April, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM